



Krisis Tanah Rizab Melayu (TRM) perlukan segera akta koordinasi Negeri-Pusat

By Editor - 14/06/2024





Oleh Profesor Dr Nuarrual Hilal Md Dahlan

MENURUT akhbar MyMetro bertarikh 1 Jun 2024, berjudul "Ubah status TRM – pengarah urusan syarikat hartanah bebas tahanan reman SPRM" menunjukkan bahawa cabaran-cabaran bagi memastikan kelestarian dan perlindungan tanah-TRM semakin terhakis masa kini.

Menurut berita itu, seorang penjawat awam telah diberkas kerana menerima rasuah bagi mengubah status TRM seluas 650 hektar.

TRM tersebut akan dipecah sempadan dan akan dipindah milik kepada syarikat serta individu bukan Melayu. Penjawat awam tersebut telah direman selama 4 hari bagi tujuan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegaraan Rasuah Malaysia (SPRM). Kejadian ini berlaku di Ipoh, Perak.

Pada hemat penulis, terdapat beberapa makna boleh dicungkil melalui berita di atas, iaitu:

- 1) Penjawat awam yang merupakan tunggak kepada jentera kerajaan bersikap pecah amanah dan tidak jujur serta tergamak untuk mengkhianati amanah negara dan hak orang melayu melibatkan TRM.
- 2) Permintaan tanah untuk pembangunan meningkat kerana desakan keuntungan dan kekurangan tanah yang berpotensi dan berharga murah menyebabkan golongan kapitalis berusaha untuk mendapatkan mana-mana tanah yang sesuai termasuk TRM.
- 3) Wujud penipuan tanah dan ketirisan pentadbiran pada pihak berkuasa tanah dalam mentadbir TRM telah membudaya.



4) TRM tidak menarik dan tidak berdaya maju menyebabkan terdapat segelintir pihak sanggup menukar status TRM menjadi tanah bukan rizab melayu secara tidak jujur.

Tanah Rizab Melayu (TRM) atau Tanah Simpanan Melayu merupakan tanah yang telah digazetkan sebagai tanah khusus kepada orang Melayu. Ianya tidak boleh diurusniaga melainkan melibatkan orang Melayu sahaja.

Peruntukan-peruntukan undang-undang, definisi Melayu dan tadbir urus mengenai TRM terdapat dalam pelbagai enakmen TRM negeri-negeri contohnya Enakmen Tanah Rizab Melayu Kedah 1931, Enakmen Rizab Melayu Perlis 1353 dan Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 (No. 18 tahun 1930).

Tujuan kewujudan TRM ini adalah bagi memastikan tanah-tanah ini sentiasa berada pada tangan orang Melayu dan tidak hilang kepada orang bukan Melayu. Justeru itu orang Melayu akan sentiasa mempunyai tanah di Semenanjung Tanah Melayu bagi tujuan kelangsungan dan keperluan hidup, ekonomi, pertanian, komersial, sosial dan pembangunan masyarakat Melayu.

Tidak secara langsung ini adalah suatu cara di mana kerajaan dapat membendung tanah-tanah Melayu daripada hilang dari milikan orang Melayu yang boleh menimbulkan isu besar kepada negara dan orang Melayu ketiadaan tanah di tanah air sendiri.

TRM ini telah wujud sejak sebelum Merdeka dan menurut statistik "Archives Malaysia, SSF G 1195/30" jumlah keluasan TRM telah berkurangan dari tahun 1921 hingga tahun 1955.

Negeri-negeri terlibat adalah Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak dan Selangor.



Fakta ini menyebabkan negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu mengambil langkah-langkah drastik bagi meningkatkan jumlah keluasan TRM berdasarkan punca kuasa Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan bagi melindungi TRM.

Menurut berita terkini pada tahun 2023, terdapat bukti-bukti bahawa keluasan TRM telah meningkat dari tahun 2021 hingga 2022 kecuali beberapa negeri.

Data terkini menunjukkan bahawa, jumlah keluasan TRM semakin berkurangan di negeri Kedah, Kuala Lumpur dan Perak. Keluasan TRM di Kedah telah menurun daripada 721,888.93 hektar kepada 716,537.28 hektar, Kuala Lumpur daripada 1,003.56 hektar kepada 999.48 hektar dan Perak daripada 953,042.67 hektar kepada 953,040.87 hektar.

Namun begitu, cabaran paling besar adalah bagaimana hendak menjadikan TRM ini benar-benar memberi manfaat kepada orang Melayu khususnya dalam membantu membangunkan ekonomi bangsa itu.

Antara sebabnya adalah TRM ini kurang berdaya tarikan ekonomi lantaran kerana kebanyakan tanah-tanah ini berada di luar bandar yang tidak mempunyai potensi ekonomi dan perniagaan.

Seterusnya disebabkan TRM ini adalah khas untuk orang Melayu dan tidak boleh terlepas kepada orang Melayu, maka nilai pasaran TRM ini tidak menarik dan bernilai rendah.

Isu selanjutnya juga melibatkan isu pertindihan milikan atas TRM.

Penulis berpandangan, perlunya diwujudkan satu akta khusus bersifat nasional bagi menangani isu dan cabaran TRM berdasarkan semangat dan makna Perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.



Akta ini hendaklah bersifat seimbang antara kepentingan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

Akta ini akan mengikat negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu bagi tujuan koordinasi dan penyeragaman pembangunan TRM di seluruh tanah air.

Pendekatan ini dipercayai boleh menyeragamkan pembangunan tanah simpanan Melayu.

Selanjutnya perlunya ada penubuhan sebuah agensi nasional dengan dana mencukupi, berdasarkan maksud Perkara 76(1)(b) Perlembagaan Persekutuan demi membangunkan tanah simpanan Melayu bagi mengoptimumkan TSM bagi kepentingan orang Melayu dalam bidang ekonomi, perniagaan, komersial, sosial dan pembangunan masyarakat orang Melayu.

(Penulis ialah profesor di Pusat Pengajian Undang-undang Universiti Utara Malaysia)

— **BebasNews**

